

# 05

## *Keberkesanan App Bitarâ Kata dalam Pembelajaran Kosâ Kata*

**Dewi Kartika Sudirman**

dewi\_kartika\_sudirman@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Yishun

**Sharifah Hafsa Mohamed Hanifa**


sharifah\_hafsah\_mohamed\_hanifa@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Woodlands

### *Abstrak*

Kekayaan kosa kata dan motivasi merupakan antara faktor penting dalam menentukan kejayaan pembelajaran murid. Kajian ini memberi tumpuan kepada penggunaan App Bitara Kata (ABK) dalam meningkatkan keberkesanan pembelajaran kosa kata dan peningkatan motivasi dalam kalangan murid di peringkat sekolah rendah. Kajian ini dijalankan di dua buah sekolah rendah dan melibatkan 59 orang murid Darjah 5. Daripada tinjauan dan pemerhatian yang dijalankan, kebanyakan murid didapati mempunyai kosa kata yang terhad dalam bahasa Melayu. Hal ini menjejaskan pembelajaran dan penguasaan kemahiran bahasa murid. Murid juga didapati lebih teruja untuk belajar sekiranya guru menggunakan bahan dan peralatan ICT dalam proses pembelajaran. Melalui pengajaran yang dirancang, murid melalui proses pembelajaran yang melibatkan penggunaan ABK dalam pembelajaran kosa kata. Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid berasa seronok mengikuti pelajaran yang dirancang. Murid bukan sahaja mampu meningkatkan kosa kata mereka, tetapi dapat mencari makna perkataan secara sendiri dan menggunakan kosa kata dalam konteks ayat yang dibina.

Kata Kunci: App Bitara Kata, motivasi, kosa kata, peta buih, pembelajaran berasaskan permainan



## PENGENALAN

Pembelajaran kosa kata sama pentingnya dengan pembelajaran dan penguasaan kemahiran dan pengetahuan bahasa dalam meningkatkan kecekapan dan kemahiran berbahasa murid. Menurut Wilkins (1987), kosa kata merupakan asas dan tunjang sesuatu bahasa. Tanpa kosa kata tiada bahasa. Tanpa penguasaan kosa kata yang luas dalam pelbagai konteks, murid tidak mampu berkomunikasi, menyampaikan idea atau meluahkan perasaan dengan berkesan. Dalam hal ini, guru menjalankan pelbagai strategi dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) untuk meningkatkan dan meluaskan kosa kata murid termasuklah dengan menjalankan program bacaan luas dan menerapkan penggunaan ICT dalam PdP.

Selain mengambil kira profil murid, guru juga mengajarkan strategi pembelajaran kosa kata agar murid menjadi pelajar yang berfikir secara sendiri dalam memahami kosa kata yang dipelajari semasa membaca dan menulis. Antara strategi yang digunakan adalah dengan merujuk kamus dan bertanya kepada yang lebih arif dan memberi makna perkataan secara kontekstual. Malah, guru-guru bahasa Melayu di Singapura telah menyarankan pelbagai strategi pembelajaran kosa kata termasuklah pengelompokan kosa kata (Ruhaidah dan Nuradilah, 2017), penggolongan kata (Rashidah dan Muhammad Nizam, 2017), kolokasi (Ishak dan Noraishah, 2017), penggunaan gaya bahasa perbandingan (Zulkifli dan Noor Aisyah, 2017), dan pemahaman watak (Hajah Marzia dan Nur Hasyimah, 2017).

Kertas kajian ini pula memberi tumpuan kepada penggunaan App Bitara Kata (ABK) dalam meningkatkan dan merangsang murid untuk mempelajari dan meluaskan kosa kata mereka. Melalui penggunaan ABK ini diharapkan murid mampu mengenal pasti dan meluaskan kosa kata yang telah dikelompokkan, tahu untuk mencari makna perkataan secara *on-line* dan boleh mengaplikasikan kosa kata yang dipelajari dalam penulisan secara kontekstual.

## PERNYATAAN MASALAH

Kosa kata penting dalam pembelajaran bahasa. Tanpa kosa kata yang luas, penguasaan bahasa murid terbatas. Tinjauan yang dilakukan semasa prakajian menunjukkan bahawa murid lemah daripada segi kosa kata. Hakikatnya, ramai murid mempunyai kosa kata yang terhad. Dengan penguasaan kosa kata yang terbatas, murid mengalami masalah untuk menyampaikan idea dan perasaan



secara lisan dan penulisan.

Tinjauan awal juga menunjukkan bahawa murid gemar dan suka pengajaran yang menerapkan penggunaan IT dalam PdP, termasuklah penggunaan peranti iPad dan penggunaan aplikasi. Oleh sebab itu, penerapan dan penggunaan ABK diambil kira bagi pengajaran untuk meningkatkan dan meluaskan pembelajaran kosa kata murid di samping merangsang minat mereka terhadap pembelajaran bahasa.

## **TUJUAN KAJIAN**

Berikut merupakan tujuan kajian:


1. untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran kosa kata menggunakan ABK; dan
2. untuk meningkatkan motivasi murid dalam pembelajaran kosa kata.

## **KAJIAN LEPAS**

Banyak kajian yang telah dilakukan mengenai kepentingan kosa kata dalam pembelajaran. Menurut Linse (2006), penguasaan kosa kata yang luas membantu pembelajaran bahasa yang berkesan. Ramai ahli bahasa percaya bahawa terdapat kaitan yang penting antara murid, tugas, konteks dan strategi pembelajaran yang digunakan dalam pembelajaran kosa kata. Keempat-empat faktor ini saling berkaitan dalam membina pemerolehan, pemahaman makna dan penggunaan kosa kata.

Menurut Day, Omura dan Hiramatsu (1991), kajian-kajian awal menunjukkan kosa kata diperoleh melalui pembelajaran secara tidak langsung yakni menerusi pembacaan dan pendengaran. Menurut Zimmerman (1994) pula, pengajaran kosa kata secara terancang didapati lebih berkesan terhadap pembelajaran kosa kata murid. Nation (2001) menyarankan agar pendekatan pembelajaran secara tidak langsung dan langsung digabungkan untuk meningkatkan pembelajaran kosa kata dalam kalangan murid.

Murid belajar atau diperkenalkan kepada kosa kata baharu hampir setiap hari secara langsung atau pun tidak menerusi apa yang didengar, dilihat, ditonton, dibaca atau dalam interaksi mereka dengan orang lain dalam kehidupan sehari-



hari. Di samping itu, guru juga berusaha untuk mengajar kosa kata secara langsung atau pun menggalakkan murid untuk membaca pelbagai bahan bacaan agar kosa kata murid bertambah luas. Antara strategi yang digunakan oleh guru termasuklah penggunaan kamus, meneliti makna dan fungsi perkataan mengikut konteks, pengelompokan kata, strategi pertukaran perkataan atau *substitution*, pemecahan kata dan kolokasi perkataan.

Penggunaan ICT sebagai wadah pembelajaran kosa kata turut juga diberikan keutamaan oleh guru. Menurut Johnson (2012), generasi celik ICT cepat berasa bosan dalam pembelajaran secara tradisional kerana mereka mengharapkan tahap interaktif yang tinggi. Oleh itu, cara interaktif dan menarik perlu diteroka bagi menggalakkan pembelajaran kosa kata termasuklah menggunakan app dalam pembelajaran.

Kajian-kajian yang dijalankan oleh Amaal dan Majeda (2014) dan Al-Nafisah (2012) menunjukkan bahawa permainan mampu meningkatkan pembelajaran kosa kata. Kajian yang dilakukan oleh Siti Munirah dan Che Nor Aziah (2014) dan juga Erfan (2013) menyimpulkan bahawa penggunaan permainan dapat meningkatkan kecekapan kosa kata murid. Rahmat dan Mohamed Noh (2016) mendapati pembelajaran kosa kata melalui penggunaan 'App Pintar Kata' merangsang pembelajaran dan meluaskan kosa kata murid. Murid didapati lebih teruja untuk mengikuti pembelajaran bila guru menerapkan penggunaan app dalam pembelajaran kosa kata. Kajian-kajian yang dinyatakan sebelum ini menjelaskan akan keberkesanan penerapan unsur permainan dan penggunaan ICT sebagai wadah pembelajaran yang berkesan dalam pembelajaran kosa kata murid. Pembelajaran menggunakan peranti ICT termasuklah penggunaan app menepati keperluan pembelajaran murid masa kini yang rata-rata celik IT. Oleh yang demikian, salah satu pilihan bagi guru bagi menarik minat murid adalah menjadikan ICT sebagai wadah berkesan dalam proses pembelajaran murid.

Teori pembelajaran yang mendasari kajian ini ialah teori konstruktivisme yang berasaskan inkuiri. Model pengajaran yang digunakan bagi kajian ini pula ialah penerokaan terpandu (*guided discovery*), antara model pembelajaran yang berpaksikan kepada teori konstruktivisme. Konstruktivisme merupakan satu teori pembelajaran yang menjelaskan bahawa pembelajaran itu merupakan satu proses yang aktif dan pengetahuan itu dibina dan dibentuk menerusi pengalaman. Pembelajaran itu merupakan satu pemahaman peribadi tentang dunia. Menurut Christie (2005), teori konstruktivisme mengalihkan tumpuan pengajaran kepada



pembelajaran. Pembelajaran lebih bersifat individu dan berasaskan konteks pengalaman pembelajaran murid. Menurut Bruner (1960), murid lebih mampu mengingat konsep dan pengetahuan yang diteroka sendiri berbanding dengan informasi yang diberikan atau disediakan.

Selain itu, murid didapati lebih fokus dan teruja untuk belajar sekiranya motivasi mereka terangsang. Murid yang bermotivasi ialah pelajar yang mahu dan mampu belajar secara sendiri. Kementerian Pendidikan Singapura (2017) menegaskan bahawa motivasi mempunyai impak terhadap hasil pembelajaran murid kerana ia boleh menentukan apa dan mengapa murid belajar, dan mendorong mereka untuk lebih terlibat dalam pembelajaran. Oleh sebab itulah kajian ini mengambil pendekatan untuk menerapkan penggunaan ICT, khususnya penggunaan ABK dalam meluaskan pembelajaran kosa kata dan merangsang murid terlibat aktif dalam proses pembelajaran.

## **KAEDAH KAJIAN**

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini berbentuk eksperimental kerana melibatkan penerokaan murid-murid dan penelitian guru. Pengumpulan data berbentuk kuantitatif dan kualitatif digunakan bagi menjelaskan hasil dapatan kajian yang dijalankan.


### **Subjek kajian**

#### Sekolah Rendah Yishun

Subjek kajian terdiri daripada murid Darjah 5 Bahasa Melayu yang berada dalam tahap keupayaan aras sederhana dan aras bawah sederhana. Jumlah keseluruhan murid ialah 22 orang.

#### Sekolah Rendah Woodlands

Kelas yang dipilih merangkumi 37 orang murid Darjah 5. Murid-murid ini merupakan golongan murid yang mempunyai tahap keupayaan aras tinggi atau pertengahan dalam subjek Bahasa Melayu. Daripada tinjauan yang dilakukan, kebanyakan murid menyatakan bahawa kelemahan dari segi kosa kata menyebabkan mereka tidak dapat menyampaikan idea dengan baik dalam bahasa Melayu.



## **Instrumen kajian**

Guru menggunakan beberapa instrumen bagi menilai keberkesanan pembelajaran yang menerapkan penggunaan ABK dalam pembelajaran kosa kata termasuklah:

1. Borang tinjauan;
2. Borang refleksi;
3. Tugas pelajar; dan
4. Pemerhatian dan refleksi guru.

## **Prosedur kajian**

Kajian yang dijalankan melalui tiga langkah iaitu prapembelajaran, pelaksanaan pembelajaran dan pascapembelajaran. Berikut merupakan penjelasan langkah-langkah kajian yang dijalankan.

### Langkah 1: Prapembelajaran

-  
Sebelum pengajaran dan pelaksanaan kajian, beberapa langkah telah dilakukan bagi memastikan kajian berjalan seperti yang diharapkan termasuklah:

1. Perbincangan tentang pengajaran – menetapkan murid dan kelas;
2. Pemilihan tema/topik bagi perluasan kosa kata. Topik yang dipilih ialah Unit 1 Usaha Jaya dari pakej Mekar 5B dan Keusahawanan dalam ABK;
3. Profil murid – meneliti profil murid termasuklah melaksanakan tinjauan awal yang terhadap keupayaan dan minat murid;
4. Pembinaan rancangan pelajaran dan bahan pengajaran – termasuklah pemilihan, perbincangan dan pembaikan; dan
5. Pembinaan borang maklum balas dan tinjauan prakajian dan pascakajian – menentukan tahap penguasaan kosa kata dan refleksi murid.

### Langkah 2: Pelaksanaan pembelajaran

Pengajaran dilaksanakan oleh guru menggunakan ABK sebagai wadah utama pembelajaran. Langkah ini melibatkan:

1. Pelaksanaan pelajaran dan pendedahan kepada aplikasi ABK;
2. Perancangan – perbincangan dan penggunaan peta buih. Bagi murid-murid Sekolah Rendah Yishun, mereka perlu menyenaraikan enam perkataan berkaitan dengan tajuk Keusahawanan dalam ABK. Mereka boleh menambah jumlah perkataan yang ditemui dalam ABK;



3. Penggunaan ABK dalam proses pembelajaran
  - a. Pemilihan templat penerokaan – Cari Kata dan Bina Kata;
  - b. Sekolah Rendah Yishun memilih permainan Cari Kata setelah mencuba beberapa kali permainan yang lain bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran. Templat penerokaan Cari Kata dipilih kerana sifatnya seperti teka silang kata bagi memudahkan murid-murid meneka kosa kata dan melihat ejaannya; dan
  - c. Sekolah Rendah Woodlands memilih permainan Bina Kata. Bina Kata dipilih berasaskan kesesuaian tahap kesediaan murid iaitu tahap kesediaan tinggi dan pertengahan.
4. Mencari makna perkataan menggunakan kamus *on-line* yang terdapat dalam ABK; dan
5. Menyelesaikan tugas – membina sepotong ayat menggunakan setiap satu perkataan yang ditemui dalam ABK lalu menulis e-mel.

### Langkah 3: Pascapembelajaran

Selepas pengajaran, guru melakukan beberapa perkara bagi tujuan pengumpulan maklumat dan data untuk dianalisis:


1. Borang tinjauan – murid diminta untuk menyelesaikan borang tinjauan;
2. Refleksi murid – murid diminta untuk melakukan refleksi mengenai pembelajaran; dan
3. Pengumpulan data dan analisis – guru melakukan analisis berdasarkan data yang dikumpulkan.

## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**


### Sekolah Rendah Yishun

Dapatan kajian mendapati bahawa ABK berkesan dalam mendedahkan dan menambahkan kosa kata baharu tentang tajuk 'Keusahawanan' kepada murid-murid. Mereka turut teruja setiap kali menggunakan ABK, dan ABK berjaya meningkatkan motivasi murid dalam pembelajaran kosa kata bahasa Melayu.

Setelah menggunakan ABK, perluasan kosa kata murid-murid telah meningkat sebanyak 100% sebagaimana terpapar dalam Rajah 1.



**Rajah 1: Taburan Perluasan Kosa Kata Murid Semasa Prakajian dan Pascakajian**



Murid mempunyai pengetahuan yang sedikit tentang tajuk 'Keusahawanan' di peringkat prakajian ABK. Jumlah kosa kata murid sangat terhad, kebanyakannya hanya dapat menyatakan dua patah perkataan berkaitan dengan 'Keusahawanan'. Keadaan ini berbeza pada peringkat pascapengajaran ABK. Jumlah kosa kata meningkat setelah pembelajaran menggunakan ABK. Dapatan ini membuktikan bahawa ABK berjaya memperluas kosa kata murid-murid tentang sesebuah tajuk. Tujuan kajian bagi meningkatkan keberkesanan pembelajaran kosa kata menggunakan ABK tercapai.

Jadual 1 yang berikut pula merupakan dapatan berkaitan tinjauan yang dilaksanakan semasa prakajian dan pascakajian.

**Jadual 1: Tinjauan Murid**

No	Item	PraPengajaran ABK $\geq 4$	Pasca-Pengajaran ABK $\geq 4$
1	Saya bermotivasi mempelajari Bahasa Melayu.	18 (82%)	19 (86%)
2	Saya suka guru menggunakan ICT dalam pembelajaran Bahasa Melayu.	22 (100%)	22 (100%)






3	Saya suka guru menggunakan ICT bagi pembelajaran kosa kata Melayu.	20 (91%)	19 (86%)
4	Saya boleh menyampaikan idea dengan baik jika saya ada kosa kata yang luas.	18 (82%)	13 (59%)
5	Saya lebih yakin menggunakan bahasa Melayu apabila kosa kata saya bertambah luas.	11 (55%)	16 (73%)
6	Saya boleh mengembangkan kosa kata menggunakan Peta Buih.	5 (27%)	15 (68%)
7	Penggunaan App Bitara Kata meluaskan kosa kata dan pemahaman saya tentang perkataan yang dipelajari.	19 (86%)	19 (86%)
8	Melalui pembelajaran yang dijalankan, saya mampu meningkatkan kosa kata saya.	13 (59%)	22 (100%)
9	App Bitara Kata mengandungi ciri kamus on-line yang dapat membantu saya memahami makna perkataan.	15 (68%)	18 (82%)
10	Fungsi e-mel dalam App membolehkan saya menulis e-mel menggunakan kosa kata yang dipelajari kepada guru.	14 (64%)	17 (77%)

Dapatan ini menunjukkan bahawa ABK dapat meningkatkan motivasi murid dalam pembelajaran kosa kata. Penggunaan ICT menarik minat murid dalam pembelajaran. Mereka kelihatan terlibat secara aktif dan teruja mempelajari kosa kata menggunakan ABK. Murid seronok semasa mempelajari kosa kata. Dapatan ini menunjukkan bahawa murid terangsang dan menunjukkan minat dalam pembelajaran kosa kata bahasa Melayu dengan penggunaan ABK.

Namun begitu, bagi Item 3, 86% murid suka guru menggunakan ICT dalam pembelajaran. Ini bermakna ada tiga murid yang menyatakan mereka tidak suka guru menggunakan ICT dalam pembelajaran jika dibandingkan dengan respons murid semasa prakajian. Hal ini mungkin disebabkan oleh masalah teknikal yang berlaku atau murid melalui tahap cabaran yang dianggap sukar semasa menggunakan ICT dalam proses pembelajaran. Oleh itu, guru perlu



memberikan bimbingan yang diperlukan agar semua murid dapat melaksanakan aktiviti pembelajaran dengan jayanya. Item 4 menunjukkan bahawa hanya 59% murid menyatakan bahawa mereka mampu menyampaikan idea dengan baik sekiranya mereka mempunyai kosa kata yang luas. Ini bermakna terdapat sembilan murid yang memerlukan bimbingan untuk menyampaikan idea mereka dengan baik. Perkara ini berkaitan dengan pemahaman makna yang tepat bagi kosa kata yang dipelajari. Dalam konteks ini, ada murid yang masih memerlukan bimbingan dari segi memahami makna kosa kata. Penggunaan kamus *on-line* oleh murid secara sendiri tidak memberi jaminan bahawa murid akan tahu dan memahami makna setiap perkataan yang ditemui. Tambahan lagi, pautan kamus *on-line* Dewan Bahasa dan Pustaka bukanlah mudah untuk difahami terutamanya oleh murid sekolah rendah. Bagi Item 7 pula, 86% murid mengatakan bahawa penggunaan ABK meluaskan kosa kata dan pemahaman. Peratusan ini tidak berubah berbanding respons murid semasa prakajian. Ini bermakna terdapat 3 murid masih belum yakin bahawa ABK boleh meluaskan kosa kata mereka terutamanya berkaitan dengan memahami makna perkataan. Hal ini berkaitan dengan Item 4, iaitu penggunaan kamus *on-line*, yang agak sukar difahami oleh murid.

**Jadual 2: Contoh Kosa Kata yang Dicatat Murid Secara Kolektif**

risiko	daya	usaha	bekerja
daya	kreatif	modal	sendiri
rugi	dagang	pekerja	ambil
berani	untung	mencari	tuan
niaga	wang	peluang	wang


Contoh ayat yang dihasilkan murid:

Ayat 1: Sarah ambil **usaha** untuk menolong orang-orang yang miskin.

Ayat 2: Abang saya mengumpul **modal** untuk keluarga kami.

Refleksi Guru

Pengajaran dan pembelajaran kosa kata menggunakan ABK memerlukan perancangan yang teliti. Guru harus melakukan pelbagai persediaan bermula dengan persediaan teknikal dan perancangan pelajaran. Guru perlu membuat



persediaan untuk membiasakan diri dengan ABK dan mengenali segala keperluan ICT agar dapat menyelesaikan masalah teknikal yang berkaitan dengan hubungan *wi-fi*, alat ICT dan lain-lain agar pembelajaran kosa kata boleh berjalan dengan lancar.





Sebelum menjalankan perancangan, guru memperuntukkan satu masa pembelajaran bagi mendedahkan ABK melalui alat *iPad* kepada murid-murid. Guru bertujuan untuk mengenalsuaikan ABK kepada murid-murid dan bersedia untuk menangani apa sahaja masalah teknikal yang mungkin dihadapi oleh murid.

Walaupun terdapat beberapa isu teknikal semasa murid melalui proses pembelajaran, umumnya guru mendapati bahawa murid sangat teruja untuk menggunakan ABK bagi memperluas kosa kata mereka. Murid juga didapati boleh melakukan aktiviti pembelajaran secara sendiri walaupun ada juga murid yang memerlukan bimbingan. Keterlibatan aktif pelajar semasa menggunakan ABK amat ketara.


#### Sekolah Rendah Woodlands

Dapatan daripada borang tinjauan yang diberikan kepada murid semasa prapengajaran dan pascapengajaran dianalisis. Sila teliti Jadual 3 dan 4. Berikut merupakan hasil tinjauan prapembelajaran dan pascapembelajaran:

**Jadual 3: Borang Tinjauan Prapembelajaran**

No	Item	Prapengajaran		Pascapengajaran	
					
1	Saya suka belajar mata pelajaran Bahasa Melayu.	29.4%	67.6%	61.8%	38.2%
2	Saya suka guru menggunakan ICT dalam pembelajaran kosa kata.	52.9%	35.3%	61.8%	35.3%

Berdasarkan perbandingan respons murid semasa prapengajaran dan pascapengajaran, motivasi murid untuk belajar bahasa Melayu didapati meningkat. Bukan itu sahaja, penerimaan penggunaan ICT dalam pembelajaran



kosa kata juga meningkat berbanding semasa tinjauan awal.


Penggunaan ICT sebagai wadah mengetengahkan pengajaran kosa kata mendapat sambutan yang positif dalam kalangan murid. Tambahan pula, minat terhadap mata pelajaran bahasa Melayu juga menunjukkan trend yang positif. Jadual 4 dan 5 menunjukkan sambutan yang positif dalam kalangan murid.

**Jadual 4: Prapembelajaran dan Pascapembelajaran**


No	Item	Pra	Pasca
		Ya	Ya
3 (a)	Saya tidak ada masalah untuk bertutur dan menulis dengan baik.	44.1%	38.2%
3 (b)	Biasanya, saya menghadapi masalah untuk bertutur dan menulis dengan baik kerana...		
	• kurang idea	57.8%	15.4%
	• kurang keyakinan	47.4%	38.5%
	• kosa kata saya terbatas (saya tahu sedikit perkataan)	73.7%	46.2%
	• ada idea tetapi kurang kosa kata	57.9%	30.8%

Dapatan daripada borang tinjauan yang dilaksanakan menunjukkan peratusan keyakinan murid bertutur dan menulis dalam bahasa Melayu juga telah meningkat. Setelah melalui sesi pembelajaran ini, murid menyatakan bahawa mereka lebih yakin menggunakan kosa kata yang dipelajari lantas meningkatkan penguasaan kosa kata bahasa Melayu mereka.

Namun, ada juga murid yang berasa bahawa kekurangan kosa kata juga menghambat mereka daripada menyampaikan idea mereka dengan baik. Ini juga jelas kelihatan melalui item tinjauan yang tertera di bawah. Analisis daripada perkataan yang dicatat oleh pelajar semasa prakajian dan pascakajian menunjukkan perluasan kosa kata yang berlaku dalam kalangan pelajar.



**Rajah 2: Perluasan Kosa Kata Murid**




Rajah 2 menunjukkan peningkatan kosa kata yang diperoleh pelajar selepas mengikuti proses pengajaran menggunakan ABK. Perisian ABK ini telah membantu murid mendalami maksud 'keusahawanan'. Murid lebih tahu dan sedar akan perkataan-perkataan yang berkaitan dengan 'keusahawanan'.

**Jadual 5: Contoh Kosa Kata yang Dicitat Murid Semasa Prapengajaran dan Pascapengajaran bagi Seorang Pelajar**

Prapembelajaran	Pascapembelajaran	
1. pedagang	1. usaha	8. sendiri
2. orang yang berusaha	2. wang	9. rugi
3. penjual	3. peluang	10. kreatif
4. jual dan beli	4. daya	11. untung
5. tidak putus asa	5. modal	12. pekerja
	6. niaga	13. berani
	7. dagang	14. ambil

Jadual 5 menunjukkan kosa kata pelajar yang telah bertambah dan menunjukkan peningkatan yang ketara akan pemahaman maksud 'keusahawanan'. Bukan itu sahaja, ABK menggalakkan murid untuk melalui proses pembelajaran yang mendalam atau '*deep learning*' akan maksudnya 'keusahawanan'. Ini dapat disokong dengan latihan mencari makna dan penulisan e-mel.



Contoh ayat yang dibina dalam penulisan e-mel:

1. Encik Raffles datang ke Singapura untuk berdagang.
2. Saya memerlukan modal untuk berniaga.

Hasil kerja murid ini menunjukkan pemahaman akan perkataan yang terbina melalui permainan Bina Kata itu di dalam kelompok kata 'keusahawanan'. Namun, ada juga murid yang memerlukan masa untuk mendalami maksud perkataan-perkataan berkaitan dengan 'keusahawanan'.

### Cabaran


#### Sekolah Rendah Yishun

Guru mendapati bahawa murid mampu menemui enam kosa kata berkaitan dengan topik tetapi tidak memahami makna-makna beberapa perkataan itu sepenuhnya. Hal ini dapat difahami kerana murid-murid ini sememangnya mempunyai asas kosa kata yang agak lemah. Penggunaan kamus dalam talian juga kurang berkesan bagi sesetengah murid dalam membantu pemahaman. Dalam hal ini, usaha sokongan dan lanjutan perlu dilakukan bagi memastikan murid memahami makna perkataan yang mereka temui dalam konteks penggunaan yang tepat.

Semasa kajian dijalankan, fungsi e-mel mengalami masalah teknikal. Segala e-mel dari ABK yang dihantarkan melalui iPad tidak diterima guru. iPad menggunakan Wi-fi menerusi 'donggle'. Jaringan ini bersifat asing dan tidak boleh menembusi jaringan SSOE. Untuk mengatasi masalah ini, guru menyiapkan lembaran bina ayat bagi menggantikan fungsi e-mel dalam bilik darjah. Guru juga meminta murid-murid untuk menghantar e-mel melalui jaringan Internet di rumah masing-masing. E-mel murid boleh diterima menggunakan jaringan lain selain jaringan SSOE.

#### Sekolah Rendah Woodlands

Antara cabaran menjalankan pengajaran menggunakan ABK ialah, memastikan kesediaan murid menggunakan ICT dalam pembelajaran mereka. Murid perlu bersedia menerima arahan dan melungsur ABK. Beberapa murid, dengan tidak sengaja telah keluar dari aplikasi tersebut sewaktu mencari makna perkataan. Akses e-kamus tidak begitu mesra pengguna menerusi ABK. Murid juga perlu



mahir mencari makna sewaktu menggunakan e-kamus melalui laman kamus Dewan Bahasa dan Pustaka ini.

Cabaran kedua merupakan akses Internet sekolah. Sewaktu aktiviti penulisan e-mel, murid tidak dapat menghantar e-mel mereka kepada alamat e-mel guru melalui jaringan SSOE. Guru menyediakan lampiran kertas kerja untuk murid menyelesaikan aktiviti menulis e-mel.

Cabaran ketiga merupakan masa. Guru harus cekap mengendalikan pembelajaran agar dapat menyelesaikannya mengikut jadual yang ditetapkan.

## **KESIMPULAN**

Secara keseluruhan, murid berasa seronok menggunakan ABK dalam pembelajaran kosa kata. Penggunaan grafik dan watak-watak menarik menjadi daya tarikan aplikasi ini. Konsep bermain sambil belajar mendorong murid-murid untuk lebih positif mempelajari kosa kata baharu. Tujuan meningkatkan dan merangsang murid untuk mempelajari dan meluaskan kosa kata melalui aplikasi ini tercapai. Ada peningkatan dalam motivasi murid untuk mempelajari kosa kata.


Guru masih akan teruskan memanfaatkan ABK dalam pembelajaran kosa kata. Ia ibarat umpan untuk memancing minat murid-murid bagi memperluas kosa kata mereka. Walaupun ada beberapa masalah teknikal, ia bukan hambatan hebat untuk mengabaikan ABK. Tujuan kajian bagi meningkatkan keberkesanan pembelajaran kosa kata menggunakan ABK dari segi perluasan kosa kata dan meningkatkan motivasi murid dalam pembelajaran kosa kata tercapai.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Ibrizi Ishak dari Sekolah Rendah Woodlands
2. Ribut Nawi dari Sekolah Rendah Yishun

## **RUJUKAN**

Amaal Al Masri dan Majeda Al Najjar (2014). The Effect of Using Word Games on Primary Stage Students Achievement in English Language Vocabulary in Jordan. American International Journal of Contemporary Research, Vol. 4, No. 9, September 2014.



Bruner, J (1960). *The Process of Education*, Cambridge, Mass: Harvard University Press.

Day, R., Omura, C., dan Hiramatsu, M. (1991). Incidental EFL vocabulary learning and reading. *Reading in a Foreign Language*, 7, 541-551.

Erfan Efendi (2013). The use of games to improves vocabulary mastery. ISSN2337-6384. JP3, Volume 1, No. 12, Augustus, 2013

Hajah Marzia Abdul Rahman dan Nur Hasyimah Surnin (2017). Pemahaman watak dalam cerita untuk mencungkil kosa kata berkaitan nilai dalam Menyempurnakan kata Menyampaikan Makna, Seminar Bahasa Melayu 2017. Pusat Bahasa Melayu Singapura, Akademi Guru Singapura. Kementerian Pendidikan Singapura: Oxford Printers Pte Ltd.

Ishak Latiff dan Noraishah Mostapa (2017). Meningkatkan kosa kata melalui kolokasi dalam Menyempurnakan kata Menyampaikan Makna, dalam Prosiding Seminar Bahasa Melayu 2017. Pusat Bahasa Melayu Singapura, Akademi Guru Singapura. Kementerian Pendidikan Singapura: Oxford Printers Pte Ltd.

Linse, Caroline T (2006). *Practical english language teaching: young learners*. New York: McGraw-Hill

Nation, I. S. P. (2001). *Learning vocabulary in another language*. Cambridge: Cambridge University Press.

Rahmat dan Mohamed Noh (2015). Pembelajaran bahasa Menerusi App: Pengalaman Singapura dalam Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu IX (SALPBM IX) 2015. Diterbitkan oleh Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM, Serdang, Selangor, Malaysia.

Ruhaidah dan Nuradilah (2017). Memperkaya kosa kata murid dengan menggunakan strategi pengelompokan kata dan teknik lakonan dalam Menyempurnakan kata Menyampaikan Makna, Seminar Bahasa Melayu 2017. Diterbitkan oleh Pusat Bahasa Melayu Singapura, Akademi Guru Singapura. Kementerian Pendidikan Singapura.





Skinner, B. F. (1948). Superstition' in the pigeon. *Journal of Experimental Psychology*, 38, 168-172.

Zimmerman, C. B. (1994). *Self-selected reading and interactive vocabulary instruction: Knowledge and perceptions of word learning among L2 learners*. Unpublished PhD Dissertation, University of Southern California, Los Angeles.


Zulkifli Khamis dan Noor Aisyah Ahmad Sharif (2017). Peluasan kosa kata melalui penggunaan gaya bahasa dalam *Menyempurnakan kata Menyampaikan Makna, Seminar Bahasa Melayu 2017*. Diterbitkan oleh Pusat Bahasa Melayu Singapura, Akademi Guru Singapura. Kementerian Pendidikan Singapura.

Johnson, B. (2012). Why students can benefit from playing games in college. Retrieved April, 2013, from Online College Courses: <http://www.onlinecollegecourses.com/2012/06/18/why-students-can-benefit-from-playing-games-in-college/>

Linawati Adiman dan Sharifah Nor Puteh (2017). Pelaksanaan Peta Pemikiran I-Think dalam kalangan guru, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Dipetik dalam: <https://seminarserantau2017.files.wordpress.com/2017/09/58-linawati-lina-adiman.pdf>

Siti Munirah Mohamad Ghani & Che Nor Aziah Mohamad (2014). Improving year 4 Shafie Pupils' Vocabulary Through 'Vocabulary and Roll' game. Retrieved from: <HTTP://MYLIB.CAKNA.NET/INDEX.PHP/2014/ARTICLE/VIEW/640/621>

Sze Lui LAM (2014). Use of Gamification in Vocabulary Learning: A Case Study in Macau *Alternative Pedagogies in the English Language and Communicaiton Calssroom*. 4th CELC Symposium, Centre for English Language Communication National University of Singapore, 2014. Retrieved from: <http://www.nus.edu.sg/celc/research/4thsymposium.php>



Wang B. T., Teng C. W., and Chen H. T. (2015). Using iPad to Facilitate English Vocabulary Learning. *International Journal of Information and Education Technology*, Vol. 5, No. 2, February 2015. Retrieved from: <http://www.ijiet.org/papers/484-S00003.pdf>

Kementerian Pendidikan Singapura (2017). What we believe about Motivation in Singapore Teaching Practice. Bahan ditukil dalam leلمان pada 06 September 2017 di: [https://opal.moe.edu.sg/stp/slot/u165/What%20We%20Believe%20about%20Motivation\\_2017.pdf](https://opal.moe.edu.sg/stp/slot/u165/What%20We%20Believe%20about%20Motivation_2017.pdf)

